

Headline	Permintaan elektrik di Semenanjung tidak terkesan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Jun 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	29
ArticleSize	126 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,372		



Permintaan elektrik di Semenanjung tidak terkesan

Permintaan elektrik di Semenanjung masih berada dalam landasan untuk meningkat tahun ini meskipun terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh.

Walaupun PKP 3.0 dilaksanakan ketika ini, permintaan elektrik tidak menguncup secara mendadak seperti dicatatkan tahun lalu, demikian kata penganalisis.

Maybank IB Research berkata, penjanaaan elektrik di Semenanjung menguncup 8.5 peratus sejak pelaksanaan PKP 3.0 yang bermula 1 Jun lalu.

Jika dibandingkan semasa PKP pertama yang dilaksanakan antara Mac hingga Mei 2020, ia menjelaskan, penjanaaan elektrik merosot sebanyak 24 peratus.

Justeru, katanya, dengan kadar tahunan dan jangkaan permintaan sejajar penjanaaan elektrik, pihaknya menjangkakan setiap bulan bagi PKP penuh dilaksanakan akan merendahkan permintaan 0.7 peratus.

"Data permintaan tidak dikeluarkan, tetapi pada pandangan kami ia akan sejajar dengan penjanaaan (elektrik).

"Dengan kadar tahunan, kami jangka setiap bulan PKP penuh merendahkan permintaan keseluruhan tahun sebanyak 0.7 peratus.

"PKP penuh setakat ini berlangsung sebulan, sekali gus permintaan di Semenanjung masih dalam landasan untuk berkembang pada 2021," katanya dalam nota penyelidikannya.

Mengenai prestasi Tenaga Nasional Bhd (TNB), Maybank IB Research berkata, unjurannya terhadap pendapatan dan harga sasaran RM12 bagi TNB kekal tidak berubah.

Ia berkata, syarikat utiliti nasional itu terlindung daripada turun naik tidak menentu permintaan, dengan hanya segmen perkhidmatan pelanggan terdedah kepada risiko permintaan.